



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
FIRE AND RESCUE DEPARTMENT OF MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN
2013
ANNUAL REPORT

"CEPAT DAN MESRA"

**SEDIA
MENYELAMAT
TELEFON 999**





JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
FIRE AND RESCUE DEPARTMENT OF MALAYSIA



- 1 **PERUTUSAN YAS DATO' WAN MOHD NOR BIN HJ. IBRAHIM**
KETUA PENGARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Keynote From YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim,
Director General of Fire and Rescue Department of Malaysia

- 8 **PROFIL KORPORAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**
Corporate Profile of Fire and Rescue Department of Malaysia

- 10 **PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**
High Rank Officers in Fire and Rescue Department of Malaysia

- 21 **CARTA ORGANISASI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**
Organisation Chart of Fire and Rescue Department of Malaysia



- 23 **PENCAPAIAN**
Achievements

- 96 **PEMBANGUNAN MODAL INSAN**
Human Capital Development

- 124 **PENGIKTIRAFAN**
Recognitions

- 126 **PROGRAM BAHAGIAN-BAHAGIAN**
Programmes by Divisions

- 212 **PROGRAM UTAMA JABATAN BOMBA DAN
PENYELAMAT MALAYSIA**
*Main Programmes of Fire and Rescue
Department of Malaysia*

- 222 **KERATAN AKHBAR**
Newspaper Clippings

PERUTUSAN KETUA PENGARAH KEYNOTE FROM DIRECTOR GENERAL



YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim

*Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia*

*Director General
Fire and Rescue Department of Malaysia*

Salam sejahtera dan salam 1Malaysia,

TRANSFORMASI KE ARAH ORGANISASI PRESTASI TINGGI

Sebagaimana biasa di awal tahun 2014 ini saya mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua warga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di mana jua berada dan juga selamat menyambut Tahun Baru Cina kepada rakan berketurunan Cina dengan harapan semoga bergembira dan jangan lupa, keselamatan di jalan raya, di rumah atau di mana-mana, jangan sekali-kali kita abaikan.

Salam sejahtera and salam 1Malaysia,

TRANSFORMATION TOWARDS A HIGH PERFORMANCE ORGANIZATION

As usual at the beginning of the year 2014, I wish a Happy New Year to all the firemen in Fire and Rescue Department of Malaysia whom are located everywhere in Malaysia and a Happy Chinese New Year to the Chinese friends with the hope that you may rejoice but remember, safety on the road, at home or in any case, we should never ignore.



Majlis Perasmian Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wakaf Tapai, Terengganu
Opening Ceremony of Fire and Rescue Academy of Malaysia in Wakaf Tapai, Terengganu

Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih di atas sumbangan dan pengorbanan yang telah diberikan oleh setiap warga Jabatan dalam pelbagai misi bantuan yang telah dilaksanakan baik misi memadam kebakaran, misi menyelamatkan dan misi kemanusiaan. Sememangnya keselamatan dan kesejahteraan rakyat adalah menjadi prioriti utama JBPM. Oleh itu, setiap kali loceng kecemasan berbunyi ianya menandakan tugas Jabatan bermula dan setiap kali itu, kita akan mencuba seberapa daya bagi memberikan yang terbaik kepada rakyat.

Pada tahun lepas sahaja, JBPM telah menghadiri dan menerima 33,640 panggilan kebakaran dan 33,068 panggilan menyelamatkan dan khidmat kemanusiaan. Tidak dinafikan memang ada satu atau dua kritikan yang dilemparkan kepada Jabatan mengenai rasa tidak puas hati rakyat terhadap tugas yang dilakukan oleh segelintir warga bomba tetapi lihatlah betapa kritikan ini amat kecil berbanding dengan kejayaan demi kejayaan yang dicapai oleh warga jabatan di dalam puluhan ribu panggilan yang dihadiri oleh Pasukan Bomba.

I also want to express my gratitude and thanks for their contributions and sacrifices made by every member of the department in the various aid missions, which were performed either in fire fighting, rescue or humanitarian missions. Indeed, safety and welfare of the people are a top priority for FRDM. Therefore, every time the emergency bell rang it indicates the department's task starts and each time, we will try to give the best to the people.

Last year alone, FRDM has attended and has received 33,640 fire calls and; rescue and humanitarian assistance calls of 33,068. No doubt there are indeed one or two critics of the Department on the dissatisfaction of the tasks performed by only a few of our firefighters, but this is very small compared to the series of successes achieved by the department in the thousands of calls attended by the Fire Brigade.



Majlis Perasmian Ibu Pejabat JBPM Negeri Perlis
Opening Ceremony of Perlis Headquarters of FRDM.

Walau bagaimanapun kita mengambil sikap terbuka. Segala komen dan kritikan masyarakat akan kita jadikan sebagai maklumbalas positif yang akan menjadi pembakar semangat bagi kita memperbaiki lagi mutu perkhidmatan dan mempertingkatkan lagi kecekapan perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat.

Bagi tahun 2014 ini, saya menjangkakan cabaran yang bakal dihadapi oleh Jabatan makin meningkat. Kehendak dan ekspektasi masyarakat kepada perkhidmatan yang diberikan oleh jabatan semakin meningkat. Perkembangan pesat dan pembangunan Negara dalam sektor industri dan hartanah meningkatkan lagi risiko berlakunya kebakaran. Manakala perubahan cara hidup masyarakat bandar dengan aktiviti lasak dan *adventurous* menyebabkan aktiviti menyelamat juga terus meningkat.

Oleh itu, Jabatan tidak boleh statik atau *complacence* sebaliknya perlu mengambil pelbagai langkah untuk mentransformasikan Jabatan supaya terus relevan dan terus berupaya memenuhi kehendak dan ekspektasi rakyat. Justeru itu, beberapa strategi telah dirangka dengan penekanan terhadap aspek-aspek berikut:

i) Fokus Kepada Kehendak Rakyat

Rakyat menghendaki supaya setiap panggilan kecemasan dihadiri dalam masa yang cepat dengan tindakan yang pantas oleh anggota bomba. Ukuran kebakaran setiap pasukan kecemasan terletak kepada *response time* dan kecekapan anggota pasukan bertindak. Menyedari hakikat ini, pada tahun lepas Jabatan telah membuat satu kajian yang menyeluruh mengenai *response time* berdasarkan lokasi balai bomba yang sedia ada di seluruh negara. Hasil

However, we take an open attitude. We will regard all comments and criticisms of society as a positive feedback that will act as a morale booster for us to improve the quality of the service and improve the efficiency of the services provided to citizens.

For 2014, I assume the challenges to be faced by the Department increased. Requirements and expectations from the community of the services provided by the department is increasing. The rapid development and nation building in the industrial sector and the real estate increases the risk of fire. The changing lifestyles of the urban community with a rugged and adventurous activity lead rescue activities also increased.

Therefore, the Department cannot be static or complacence otherwise have taken many steps to transform the Department to remain relevant and continue to be able to meet the needs and expectation of the people. Therefore, several strategies have been developed with an emphasis on the following aspects:

i) Focus On People's Desire

People require that all emergency calls attended in quick time with fast action by firefighters. Benchmarking of each fire emergency team are on response time and efficiency of the task force. Recognizing this fact, last year the Department made a thorough study of the response time based on the location of existing fire stations across the country.



daripada kajian ini Jabatan berpendapat bahawa satu pendekatan yang lebih drastik diperlukan bagi melonjak *response time* Jabatan ke satu tahap dengan lebih cepat lagi. Kaedah konvensional iaitu membina balai bomba biasa didapati tidak lagi menampung kehendak perkhidmatan yang cekap dan memenuhi *response time* yang memuaskan. Ini kerana kaedah ini bukan sahaja memerlukan kos yang tinggi tetapi juga memerlukan perjawatan yang banyak dan kos pengurusan yang tinggi.

Oleh itu pendekatan yang diambil, ialah memberi perhatian kepada kaedah-kaedah alternatif iaitu membina balai bomba bantuan dengan kos yang murah serta menggunakan perjawatan pegawai bomba bantuan. Jabatan mensasarkan 10-20 buah balai bomba bantuan akan dibina pada tahun ini. Termasuk dalam kaedah alternatif ialah jabatan akan memperkukuhkan lagi struktur pengurusan pasukan bomba sukarela di seluruh Negara khususnya di kawasan-kawasan terpencil dan jauh dari kemudahan balai bomba sedia ada.

Penggabungan tiga bentuk balai bomba iaitu balai bomba biasa, balai bomba bantuan dan balai bomba sukarela, menjadi suatu langkah strategik yang sememangnya telah dilaksanakan dengan jayanya oleh kebanyakan Negara maju di dunia. Dalam kita memberi fokus kepada kehendak rakyat, bermula pada tahun 2014 jabatan akan memulakan perkhidmatan yang dinamakan EMRS iaitu *Emergency Medical and Rescue Services*. Pada tahun ini sebanyak 100 buah jentera EMRS akan mula beroperasi dan 100 buah lagi akan beroperasi pada tahun 2015 menjadikan jumlah keseluruhannya 200 buah kesemuanya. Keistimewaan

Results from this study revealed that a more drastic approach is needed by the Department as to boost the department's response time to a better level. The conventional method of building a fire station is no longer commonly available to accommodate the requirements of efficient and meet a satisfactory response time. This is because the method is not only less expensive, but also requires a lot of personnel and management costs are high.

Therefore the approach taken, is to pay attention to alternative methods of building additional auxiliary fire stations at a lower cost with auxiliary fire brigade personnel. The Department is targeting 10-20 auxiliary fire stations will be built this year. Also included in the alternative method is the department will further strengthen the management structure of volunteer firefighters throughout the country, especially in remote areas and away from the existing fire station facilities.

A merger of three types of fire stations which are the standard fire station, auxiliary fire station and volunteer fire station, to be a strategic move that is already implemented by most developed country in the world. In our focus on the needs of the people, in the year 2014 the Department will begin service named EMRS; the Emergency Medical and Rescue Services. This year a total of 100 units of EMRS vehicles will be operational and another 100 units will be operational in 2015 making a total of 200 units.

jentera EMRS ialah ia dilengkapi peralatan dan personel khusus untuk menangani mangsa-mangsa kecemasan secara insitu di tempat kecemasan berlaku. Dengan itu mangsa kecemasan akan mendapat bantuan dengan segera. Selain dari itu, anggota EMRS juga akan menjaga keselamatan anggota bomba yang ditimpa kecederaan.

ii) Fokus Kepada Teknik dan Taktik

Jabatan menyedari kejayaan atau kegagalan sesuatu operasi banyak bergantung kepada aplikasi taktikal dan penggunaan peralatan yang sesuai dengan operasi berkenaan. Untuk itu ketua-ketua pasukan yang mengetahui operasi akan diberikan latihan insentif berhubung dengan taktik dan teknik yang lebih baik dengan mengambilkira kepelbagaian insiden yang dihadapi. Dari segi kelengkapan pula, kita bersyukur kerana pada tahun ini kita akan dilengkapi dengan 30 buah jentera pembawa air besar atau *high capacity water tanker* dengan muatan 20,000 liter air. Dengan adanya jentera ini kecekapan dan keberkesanan kerja memadamkan kebakaran akan dapat ditingkatkan kerana sebelum ini operasi pemadaman agak terjejas disebabkan kuantiti air dari pili bomba tidak mampu menampung keperluan air yang tinggi untuk memadam kebakaran yang berkesan.

iii) Fokus kepada Pencegahan Kebakaran

Kita tidak akan berjaya kalau kita hanya baik dalam aspek memadamkan kebakaran tetapi tidak berusaha mencegahnya. Kedua-dua aspek ini mestilah diperkukuhkan secara bersama-sama. *Fire Fighting is a losing battle. Prevention is better than cure.* Berdasarkan kepada dua prinsip ini, Jabatan akan meningkatkan lagi kesedaran di kalangan rakyat terhadap keselamatan kebakaran.

Dalam hal ini jabatan akan memberi fokus kepada dua golongan sasaran iaitu:

(i) Rumah-rumah kediaman. Kita dapati hampir kesemua kematian yang berlaku adalah berlaku di rumah. Kesedaran orang ramai tentang bahaya kebakaran di rumah amat penting. Kita akan menggalakkan penggunaan "self contain smoke detector" di rumah-rumah kediaman bagi memberi amaran awam sekiranya berlaku kebakaran. Ini sudah tentu akan meningkatkan pengetahuan melepaskan diri justeru menggalakkan orang ramai memiliki 1 unit alat pamadam api di rumah supaya boleh digunakan di peringkat awal bagi memadam kebakaran.

The specialty is that it is equipped EMRS vehicles with competent personnel to perform the emergency assistance at the site. With this, the emergency victims will get help immediately. In addition, the EMRS team will also safeguard the firefighter who are afflicted injuries.

ii) Focus On Techniques and Tactics

The Department recognizes the success or failure of an operation depends on the application of tactics and the use of proper equipment in the operation. For the team leaders who are knowledgeable the operation will receive intensive training on the tactics and techniques that reflect the diversity of the incident occurring. In terms of equipment, we are thankful that this year we will be equipped with 30 units of a high capacity water tanker with a capacity of 20,000 liters of water. With this engine the efficiency and effectiveness of fire fighting will be enhanced because of previous fighting operations were affected by the quantity of water from a fire hydrant could not cope with high water requirements for an effective fire extinguisher.

iii) Focus on Fire Prevention

We will not succeed if we are only good in terms of extinguishing the fires but not to prevent it. Both aspects must be strengthened together. Fire Fighting is a losing battle. Prevention is better than cure. Based on these two principles, the Department will increase awareness among people about fire safety.

In this case the department will focus on two target groups, namely:

(i) Residential homes. We find that almost all of the deaths are occurring in the home. Public awareness of fire hazards in the home is very important. We will encourage the use of "self contain smoke detector" in residential homes for the public warning in case of fire. This will enhance knowledge of fire escapism and thus encourages people to have one unit fire suppression equipment at home so it can be used in the early stages of fire fighting.

(ii) Sasaran kedua ialah pemilik-pemilik bangunan yang menjadi tumpuan awam seperti shopping kompleks, pejabat, hotel, kilang dan sebagainya. Bangunan-bangunan sebegini telah dirujuk kepada Jabatan pada peringkat awal pembinaan. Mengikut undang-undang bangunan-bangunan ini dikenakan syarat pencegahan kebakaran yang minima. Setelah masa berlalu, bangunan-bangunan ini ada yang diubahsuai, ubahguna dan sebagainya. Apatah lagi jika sekiranya kelengkapan pencegahan kebakaran yang asas dan minima ini tidak diberi penjagaan dan penyelenggaraan. Ia hanya akan mengundang malapetaka. Justeru Jabatan akan meneruskan usaha-usaha pemeriksaan kepada bangunan-bangunan sebegini bagi memastikan keselamatan penghuni-penghuni tidak terjejas disebabkan kecuaiian atau "lapse of good practices" oleh pemilik-pemilik bangunan yang hanya mementingkan keuntungan tetapi tidak memberi perhatian kepada aspek keselamatan.

Transformasi Minda

Bagi mencapai hasrat seperti yang digariskan, saya mengharapkan agar seluruh warga JBPM melakukan "transformasi" minda bermula dari dalam diri masing-masing. Kita perlu berazam dan bekerja bersungguh-sungguh untuk meningkatkan kecekapan dan kemahiran tanpa henti dengan menjalani latihan pada setiap kesempatan dan masa terluang. Kita perlu sedar bidang kebombaian telah berkembang dalam pelbagai dimensi. Kita dikehendaki mempunyai pelbagai kemahiran *multiskill* serta menguasai kemahiran-kemahiran berkenaan. Rakyat mengharapkan kejayaan bagi setiap operasi yang dilakukan.

Warga Jabatan perlu mempunyai kesihatan fizikal dan mental yang mantap. Kerajaan telah melanjutkan tempoh umur persaraan ke-60 tahun. Ini bermakna setiap pegawai bomba perlu berada di dalam keadaan yang cergas sehingga ke umur 60 tahun. Kesihatan perlu dijaga dari awal terutama dari penyakit-penyakit yang berpunca dari gaya hidup dan amalan permakanan yang tidak sihat. Kalau kita ingin memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat kita mesti mampu melaksanakan tugas dan tanggungjawab selagi kita bergelar pegawai bomba tanpa mengira berapa umur kita. Inilah azam kita pada tahun ini dan tahun-tahun seterusnya. Ia tidak pernah berubah sejak kita melapor diri di JBPM.

Inilah antara wawasan yang perlu sama-sama kita gembelangkan selain menggunakan segala kudrat yang ada bagi memacu dan merealisasikan Dasar Transformasi Nasional. Pada hakikatnya, semua pihak akan merasai kerukunan dan memperolehi kemakmuran hasil daripada kecekapan kita yang akan terus menunjukkan semangat "SEDIA MENYELAMAT" dengan "CEPAT DAN MESRA".

(ii) *The second target is owners of public buildings such as shopping complex, office, hotel, factory and so on. The buildings of this type were referred to the Department in the early stages of construction. By law, these buildings are required to have minimum fire prevention. Over time, these buildings are renovated, change of purpose and so on. Especially if the basic and minimum fire prevention equipment is not given proper care and maintenance. It will only invite disaster. Therefore, the Department will continue our efforts to check these buildings in order to ensure the safety of residents is not affected due to the negligence or "lapse of good practices" by the building owners who pursue for profits but do not pay attention to security aspects.*

Transforming the Mind

To achieve as outlined, I hope that all firemen in FRDM do "transformation" from the mind of themselves. We should be determined and work hard to improve the efficiency and skills endlessly with training at every opportunity and our free time. We need to be aware of the fire area has grown in many dimensions. We are required to have a variety of skills and master the skills. People expect the success of each operation that we performed.

All firemen should be healthy, physically and mentally strong. The government has extended the retirement age of 60. This means that every fire officer should be in the active state until the age of 60. Health needs to be taken care of from the beginning, especially from diseases caused by lifestyle and unhealthy dietary practices. If we want to provide good services to our people, we must be able to perform the duties and responsibilities as long as we are still called as firemen regardless of how old we are. This is our determination in this and subsequent years. It has not changed since our report in FRDM.

This is the vision that we must strive together with our best effort and using it to drive and realize the National Transformation Policy. In reality, everyone will benefit the harmonious and prosperous of the results obtained from our efficiency that will continue to demonstrate the spirit of "READY TO SAVE" with "FAST AND FRIENDLY".

Saya juga ingin mengingatkan supaya semua kakitangan Jabatan untuk terus bekerja keras bersama-sama dengan saya demi mencapai matlamat yang disasarkan kerajaan dan mengingati fajar Wawasan 2020 yang akan menjelang dalam tempoh 6 tahun lagi, bagi kita bersama-sama mencipta masa hadapan Perkhidmatan Awam yang lebih gemilang; khususnya Perkhidmatan Kebombaan di negara ini.

Akhir sekali saya ingin berpesan kepada semua warga Jabatan supaya marilah kita bersama-sama merapatkan 'saf', menanam azam sempena tahun baru ini untuk mendokong dan menjayakan semua agenda Negara yang tercinta serta menempa kejayaan yang lebih besar. Marilah kita sama-sama berdoa semoga segala usaha murni kita untuk memartabatkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia ke arah sebuah organisasi berprestasi tinggi diberkati dan mencapai matlamatnya.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih,

DATO' WAN MOHD NOR BIN HJ IBRAHIM
Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



Perbarisan Tahunan 2013 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
2013 Annual Parade of Fire and Rescue Department of Malaysia

I would also like to remind all the firemen to continue to work hard together with me in order to achieve the government's targets and considering that the vision 2020 will rise by over 6 years, for together we create the brighter future of Public Service; particularly the Fire Service in the country.

My final message to all firemen is together we stay close, cultivate new year's resolutions to support and ensure the success of all our beloved state agenda and forge greater success. Let us all pray that all our sincere effort to uphold the Fire and Rescue Department of Malaysia into a high-performance organization will be blessed and achieve its goals.

Wabillahitaufik Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Thank you

DATO' WAN MOHD NOR BIN HJ IBRAHIM
Director General
Fire and Rescue Department of Malaysia

PROFIL KORPORAT CORPORATE PROFILE

LATARBELAKANG JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Background Information of Fire and Rescue Department of Malaysia



"CEPAT DAN MESRA"



PENGENALAN ORGANISASI

Perkhidmatan Bomba di Malaysia bermula pada tahun 1883 dengan penubuhan Bomba Sukarela Negeri Selangor yang diketuai oleh H.F Bellamy bersama 15 anggota. Pasukan ini yang diletakkan di bawah Lembaga Kebersihan, yang kemudiannya menjadi Pasukan Bomba dan Penyelamat Tetap pada tahun 1895. Perkhidmatan terus berkembang di setiap negeri dan diletakkan dibawah Majlis Perbandaran atau Lembaga Luar Bandar. Pada tahun 1946, iaitu selepas Perang Dunia Kedua, pasukan 'Malayan Union Services' (MUS) telah ditubuhkan dengan Flight Lt. W.J Gerumandi sebagai 'Director of Malayan Union Fire Services. MUS beribu pejabat di Kuala Lumpur.

Melalui perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, Perkhidmatan Bomba diserahkan kembali kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dibawah pentadbiran Lembaga Bandaran dan Lembaga Luar Bandar mengikut negeri. Untuk menyelaraskan perkhidmatan ini, maka sebuah jemaah Lembaga Perkhidmatan Bomba ditubuhkan pada tahun 1952 dibawah Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan.

INTRODUCTION TO THE ORGANIZATION

Fire and rescue Services in Malaysia begins in 1883 with the establishment of volunteer fire brigade in Selangor with 15 members lead by H.F Bellemy. The force was under the Sanitary Board, which was later became a full fledge fire brigade in 1895. The services expended to each state and was placed under Municipal Council or Rural Board. In 1946, Malayan Union fire Service was established with Flight Lt. W.J Gerumandi Director of Malayan Union Fire Services with its headquarters in Kuala Lumpur.

Through the agreement of Federation of Malay State, the administration of fire services was handed over to the state government under the administration of its Municipal Council and Rural Board. In 1952, Fire Services Board was established under ministry of Development and Local Government.



Perkhidmatan Bomba di negeri-negeri disatukan sebagai sebuah Jabatan diperingkat persekutuan pada 1hb Januari 1976. Penyatuan ini meletakkan Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia dibawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ini diikuti oleh perkhidmatan Bomba Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Melaka pada 1hb Januari 1977. Pada 15hb Mei 1981, perkhidmatan Bomba Sabah dan Sarawak telah disatukan.

Pada 8hb Januari 1997, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan perubahan nama Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. YAB Perdana Menteri Malaysia dengan rasminya telah mengumumkan dan melancarkan pertukaran nama, logo dan bendera Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di Genting Highlands pada 21hb Februari 1997.

On 1st January 1976, State fire services were consolidated under 1 department at Federal Level. The consolidation placed the Fire Service Malaysia under the administration of Ministry of housing and local government. Fire services of Kuala Lumpur, Penang and Melaka were consolidated under the federal government on 1st January 1977 followed by Sabah and Sarawak on 15th May 1981.

On 8th January 1997, the cabinet minister agreed to the name change of the fire services department to fire and rescue department. The Prime Minister, officially announced and launched the name, logo and flag of Fire and rescue department in Genting Highland on 21 February 1997.





VISI

Vision

Menjadi sebuah organisasi kebombaan dan penyelamatan yang berprestasi tinggi.

To become a high performance fire and rescue organisation.



MISI

Mission

Memberi perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan yang profesional bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda.

To provide professional fire and rescue services in saving lives and properties.



MOTTO

Motto

"CEPAT DAN MESRA"

"FAST AND FRIENDLY"



NILAI TERAS

Core Value

1. Berani (*Valour*);
2. Suka Menolong Orang (*Caring*);
3. Tidak Mementingkan Diri Sendiri (*Selflessness*);
4. Sabar (*Patience*); dan/ and
5. Tidak Berputus Asa (*Persistence*).



PERANAN

Role

Objektif dan Fungsi JBPM dengan jelas dinyatakan di bawah Seksyen 5 (1) & (2) Akta 341

The objectives and functions of FRDM are as clearly stated under Section 5 (1) & (2), Act 341





PUNCA KUASA UTAMA

Authoritative Power

1. Perlembagaan Persekutuan Malaysia – Jadual Kesembilan, Perkara 26 (Senarai Bersama); *Malaysian Federal Constitution- Schedule Nine, Item 26 (Concurrent List);*
2. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341); dan *Fire Services Act 1988 (Act 341); and*
3. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS).
Uniform Building By-laws 1984.



STAKEHOLDER

Stakeholder

1. Jemaah Menteri; / *Cabinet Minister;*
2. Exco Negeri; / *State Exco;*
3. YB Menteri; / *Ministers;*
4. YB Timbalan Menteri; / *Deputy ministers;*
5. Ketua Setiausaha, dan / *Secretary Generals, and*
6. Ahli Pasca Kabinet. / *Post cabinet members.*



PELANGGAN

Client

1. Sektor Awam; / *Public sectors;*
2. Sektor Swasta; / *Private sectors;*
3. Badan-Badan Bukan Kerajaan; / *Non-governmental organization;*
4. Badan-Badan Profesional; / *Professional Bodies;*
5. Pertubuhan Antarabangsa; dan / *International Organisation and*
6. Orang Awam. / *The Public.*





PELAN STRATEGIK JABATAN

Organisation Strategic Plan

Strategi Utama / Main strategy

Memperkasakan Perkhidmatan Kebommbaan dan Penyelamatan untuk Kesejahteraan Kualiti Hidup Masyarakat.

Empowering the Fire and Rescue Services for the Quality Wellness of Community Life.

Strategi 1 / Strategy 1

Memastikan rakyat mendapat perkhidmatan kebommbaan dan penyelamatan yang berkesan.

To ensure the public is getting an effective Fire and rescue services.

Strategi 2 / Strategy 2

Mengamalkan Budaya Pencegahan dan Keselamatan Kebakaran.

To practice the culture of fire safety and fire prevention.

Strategi 3 / Strategy 3


Memberikan perkhidmatan sokongan yang efektif bagi menjayakan strategi 1 dan 2.

To provide effective supporting role for the success of strategy 1 and 2.



PENGURUSAN TERTINGGI JBPM

TOP OFFICERS IN FDRM



YAS DATO' WAN MOHD NOR BIN HJ. IBRAHIM

Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
JUSA 'A'

*Director General
Fire and Rescue Department of Malaysia
JUSA 'A'*



YAS DATO' MAHADI BIN MD ALI
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
JUSA 'B'

*Deputy Director General (Operations)
JUSA 'B'*



YAS DATO' HJ. AMER BIN HJ. YUSOF
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
JUSA 'C'

*Deputy Director General (Development)
JUSA 'C'*



YS TPjB DATO' RUSMANI BIN MUHAMAD

PKP Bahagian Keselamatan Kebakaran
JUSA 'C'

*Assistant Director General
Fire Safety Division
JUSA 'C'*



YS TPjB DATO' SOIMAN BIN JAHID

PKP Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat
JUSA 'C'

*Assistant Director General
Fire and Rescue Operations Division
JUSA 'C'*



YS PKPjB HJ. ZURKARNAIN BIN MOHD KASSIM

PKP Bahagian Latihan
KB54

*Assistant Director General
Training Division
KB54*



YS PKPjB EDWIN GALAN TERUKI

PKP Bahagian Penyiasatan Kebakaran
KB54

*Assistant Director General
Fire Investigation Division
KB54*



YS PKPjB MOHD. YUNOS BIN ABU HASSAN

PKP Bahagian Udara
KB54

*Assistant Director General
Air Division
KB54*



YS PKPjB MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ WAHID

PKP Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
KB54

*Assistant Director General
Planning and Research Division
KB54*



YS PKPjB YUSOF BIN SIDEK

PKP Bahagian Pembangunan
KB54

*Assistant Director General
Development Division
KB54*



YS PPjB SOBBERI BIN BASIRAN

PKP Bahagian Pengurusan Korporat
KB52

*Assistant Director General
Corporate Management Division
KB52*



EN. RAMLI BIN JUSOH

Pengarah Bahagian Pengurusan
M54

*Director Management Division
M54*



TN. HJ. NOR AZMI BIN MOHD JAMAL

Pengarah Bahagian Kejuruteraan Jentera
J52

*Director Engineering Division
J52*



YS PKPjB OTHMAN BIN ABDULLAH

Pengarah, JBPM Negeri Selangor
KB54

*Director, Selangor FRDM
KB54*



YS PKPjB KHIRUDIN BIN DRAHMAN @ HUSAINI

Pengarah, JBPM Kuala Lumpur
KB54

*Director, Kuala Lumpur FRDM
KB54*



YS PKPjB DATO' AB. GHANI BIN DAUD

Pengarah, JBPM Negeri Johor
KB54

*Director, Johor FRDM
KB54*



YS PKPjB DATO' ABDUL WAHAB BIN MAT YASIN

Pengarah, JBPM Negeri Pahang
KB54

*Director, Pahang FRDM
KB54*



YS PKPjB HJ AZMI BIN TAMAT

Pengarah, JBPM Negeri Pulau Pinang
KB54

*Director, Pulau Pinang FRDM
KB54*



YS PKPjB HJ YAHAYA BIN HJ MADIS

Pengarah, JBPM Negeri Perak
KB54

*Director, Perak FRDM
KB54*



YS PKPjB AHMAD BIN SHAHABUDDIN

Pengarah, JBPM Negeri Kedah
KB54

*Director, Kedah FRDM
KB54*



YS PKPjB NORDIN BIN PAUZI

Pengarah, JBPM Negeri Sabah
KB54

*Director, Sabah FRDM
KB54*



YS PKPjB NOR HISHAM BIN MOHAMMAD

Pengarah, JBPM Negeri Sarawak
KB54

*Director, Sarawak FRDM
KB54*



YS PPjB AZMI BIN OSMAN

Pengarah, JBPM Negeri Kelantan
KB52

*Director, Kelantan FRDM
KB52*



YS PPjB SAADON BIN MOKHTAR

Pengarah, JBPM Negeri Sembilan
KB52

*Director, Negeri Sembilan FRDM
KB52*



YS PPjB MD. SALLEH BIN SARBINI

Pengarah, JBPM Negeri Terengganu
KB52

*Director, Terengganu FRDM
KB52*



YS PPjB HJ. ZAINUDDIN BIN MD ALIP

Pengarah, JBPM Negeri Melaka
KB52

*Director, Melaka FRDM
KB52*



YS PgKB I MOHD FADZIL BIN HAROON

Pengarah, JBPM Negeri Perlis
KB48

*Director, Perlis FRDM
KB48*



YS PgKB I JAINAL@ZAINAL BIN MADASIN

Pengarah, JBPM Labuan
KB48

*Director, Labuan FRDM
KB48*



YS PgKB I MD. HILMAN BIN ABD. RASHID

Pengarah, JBPM Putrajaya
KB48

*Director, Putrajaya FRDM
KB48*



PgKB I NORIZAN BIN HJ. SULAIMAN

Ketua Unit Disiplin
KB48

*Head of Discipline Unit
KB48*



CIK ROOSHAYATI BINTI RADELLAH



Unit Undang - Undang
L44

*Law Unit
L44*

CARTA ORGANISASI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Organisation Chart of Fire and Rescue Department of Malaysia







PENCAPAIAN ACHIEVEMENTS



OPERASI DAN MENYELAMAT FIRE AND RESCUE OPERATIONS



ANALISA PERANGKAAAN KEBAKARAN, MENYELAMAT DAN TUGAS-TUGAS KHAS YANG DIHADIRI OLEH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA BAGI TAHUN 2013

STATISTICAL ANALYSIS OF FIRE, RESCUE AND SPECIFIC DUTIES ATTENDED
BY FIRE AND RESCUE DEPARTMENT OF MALAYSIA FOR THE YEAR 2013

PENCAPAIAN

PENDAHULUAN

Seiring dengan hasrat Jabatan dalam memberikan khidmat kebombaan yang terbaik kepada masyarakat, satu analisa berkenaan jumlah panggilan kebakaran, menyelamat dan tugas-tugas khas yang dihadiri oleh Jabatan hendaklah disediakan dengan lengkap. Maklumat yang disediakan ini dilihat dapat dijadikan pemangkin kepada pihak pengurusan tertinggi dalam menentukan perancangan strategi dan keperluan semasa Jabatan.


INTRODUCTION

Along with the desire of the Department to provide the best fire-fighting services to the community, an analysis of the amount of fire calls, rescue and specific duties attended by the Department shall be provided with complete. The information provided is seen to be a catalyst for the top management in determining strategic planning and needs of the Department.

ANALISA PERANGKAAAN KHIDMAT KEBOMBAAN YANG DIHADIRI

STATISTICAL ANALYSIS OF ATTENDED FIRE AND RESCUE SERVICES

ANALISA JUMLAH PANGGILAN KECEMASAN MENGIKUT NEGERI ANALYSIS BY STATE OF EMERGENCY CALLS




Carta 1 : Panggilan Kecemasan Mengikut Negeri
Chart 1: Emergency Calls by State

Sehingga bulan Disember 2013, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menerima sebanyak 68,280 jumlah panggilan kecemasan. Daripada jumlah ini, negeri Selangor mencatatkan jumlah tertinggi panggilan (14,586) diikuti dengan negeri Johor 9,041 panggilan dan negeri Perak (7,253). Negeri yang paling kurang menerima panggilan kecemasan adalah W.P. Labuan (420), W.P. Putrajaya (591) dan negeri Perlis (685).

As of December 2013, the Fire and Rescue Department of Malaysia received a total of 68,280 emergency calls. Of this amount, the state of Selangor recorded the highest number of calls (14,586) followed by Johor 9,041 calls and Perak (7,253). State of the least emergency call is WP Labuan (420), W.P. Putrajaya (591) and Perlis (685).

Analisa jumlah panggilan kebakaran, menyelamatkan, tugas-tugas khas dan panggilan palsu bagi tahun 2013.

Analysis number of calls for fire, rescue, special tasks and prank calls for in 2013.




Carta 2 : Jenis Kategori Panggilan Kecemasan
Chart 2: Categories of Emergency Call

Daripada jumlah keseluruhan (68,749) panggilan, JBPM telah menerima 33,640 panggilan melibatkan kes kebakaran dari Januari hingga Disember 2013. Dalam tempoh yang sama juga, JBPM telah menerima 33,068 panggilan menyelamatkan & khidmat kemanusiaan dan sebanyak 1,572 panggilan tugas-tugas khas telah dihadiri oleh JBPM. Tidak terkecuali, JBPM masih lagi menerima panggilan palsu iaitu 0.7 % (469) daripada jumlah keseluruhan.

Of the total (68,749) calls, FRDM has received 33,640 calls involving fires from January to December 2013. In the same period, FRDM received rescue and humanitarian services calls of 33,068 and 1,572 calls for special tasks were attended by FRDM. No exception, FRDM still receiving prank calls by 0.7% (469) of the total.

ANALISA KES KEBAKARAN ANALYSIS OF FIRE CASES



Carta 3 : Kes Kebakaran Mengikut Negeri
Chart 3: Fire Cases by State

Merujuk Carta 3 di atas, Negeri Selangor mencatatkan jumlah paling banyak panggilan kebakaran apabila menerima sebanyak 7,639 panggilan dan diikuti dengan negeri Johor (4,578) dan Perak (3,772).

Refer Chart 3 above, Selangor recorded the highest number of calls for fire with 7,639 calls and followed by Johor (4,578) and Perak (3,772).

Bagi mendapatkan gambaran lebih jelas, satu analisa berkenaan jenis kebakaran yang berlaku di seluruh negara pada tahun 2013 dijalankan untuk mendapatkan pola pengwujudan keberbahayaan di kawasan tertentu.


To get a clearer picture, an analysis of the types of fires that occurred nationwide in 2013 carried out for the creation of patterns dangers in certain areas.

Analisa statistik kepada jumlah panggilan diterima oleh setiap negeri mendapati bahawa antara jenis kebakaran yang kerap menyumbang kepada jumlah yang besar adalah;

Statistical analysis of the number of calls received by each state found that the types of fires that often contribute to a large amount is;

- i) Kebakaran terbuka
- ii) Bangunan dan isinya
- iii) Kenderaan
- iv) Serta lain-lain kebakaran

- i) Open fire
- ii) Buildings and contents
- iii) Vehicle
- iv) And other types of fire




Carta 4 : Jenis-jenis Kebakaran di Seluruh Negara
Chart 4: Types of Fire in the Whole Country

Daripada 33,640 panggilan kebakaran, jenis kebakaran paling tinggi yang direkodkan JBPM adalah kebakaran terbuka (13,555 panggilan). Ini diikuti dengan kebakaran bangunan/premis iaitu 5,817 kes dan kebakaran kenderaan iaitu 3,313 kes.

Of the 33,640 fire calls, the highest type of fire recorded by FRDM is open fires (13,555 calls). This was followed by a fire building / premises of 5,817 cases and 3,313 cases of vehicles fire.

a) Kebakaran terbuka adalah merujuk kepada kebakaran yang melibatkan kebakaran kebun/ladang, hutan, belukar dan kebakaran sampah sarap.

a) An open fire is referring to a fire in a garden/farm, forest, bush and rubbish fires.



Carta 5 : Jumlah Panggilan Kebakaran Terbuka Mengikut Negeri
Chart 5: Total Open Fire Calls by State

Berdasarkan carta di atas, negeri dan balai yang kerap menerima panggilan kebakaran terbuka adalah;

Based on the above, the state and the stations that regularly receive calls for open fire is;

- i) Selangor (3,605)
 - a. BBP Kajang (236)
 - b. BBP Shah Alam (216)
 - c. BBP Banting (193)
 - d. BBP Pelabuhan Klang (208)
 - e. BBP Kuala Kubu Bharu (201)
- ii) Johor (2,422)
 - a. BBP Pulai (241)
 - b. BBP Muar (219)
 - c. BBP Johor Jaya (201)
- iii) Perak (2,124).
 - a. BBP Ipoh (332)
 - b. BBP Pasir Putih (223)
 - c. BBP Sitiawan (218)

- i) Selangor (3,605)
 - a. BBP Kajang (236)
 - b. BBP Shah Alam (216)
 - c. BBP Banting (193)
 - d. BBP Pelabuhan Klang (208)
 - e. BBP Kuala Kubu Bharu (201)
- ii) Johor (2,422)
 - a. BBP Pulai (241)
 - b. BBP Muar (219)
 - c. BBP Johor Jaya (201)
- iii) Perak (2,124).
 - a. BBP Ipoh (332)
 - b. BBP Pasir Putih (223)
 - c. BBP Sitiawan (218)

(Nota: BBP : Balai Bomba dan Penyelamat/ Fire and Rescue Station)

b) Kebakaran yang kedua tertinggi dicatatkan (8,594 kes) adalah kebakaran melibatkan kategori lain-lain. Contoh kebakaran yang dikategorikan sebagai lain-lain adalah seperti berikut:


b) The second highest fire recorded (8,594 cases) is a fire involving the other categories. Examples of fire that are categorized as others are as follows:

- i. Kebakaran pondok pengawal yang terbiar
- ii. Kebakaran tiang/pencawang/kabel elektrik
- iii. Kotak fius
- iv. Tokong/tempat sembahyang kecil milik individu
- v. Sampah/jerami
- vi. Kebakaran kain-kain buruk yang ditempatkan dalam tandas awam
- vii. Colok cina
- viii. Kebakaran pokok
- ix. Pusat kitar semula terbuka
- x. Pondok telefon
- xi. Ekzos fan/chimney
- xii. Longgokan kayu

- i. Fire on abandoned guard posts
- ii. Fire on pole/substation/power cable
- iii. Fuse box
- iv. Small Temple/place of worship belonging to individual
- v. Trash/straw
- vi. Fire on rags placed in a public toilet
- vii. Chinese joss
- viii. Fire on tree
- ix. Recycle center
- x. Phone booth
- xi. Exhaust fan/chimney
- xii. Pile of wood

c) Seterusnya penekanan juga diberikan kepada kebakaran bangunan.

c) Further emphasis is also given to the fire building.



Carta 6 : Jumlah Kebakaran Bangunan Mengikut Negeri
Chart 6: Total Building Fire by State

Sepanjang tahun 2013, JBPM telah mencatatkan kehadiran sebanyak 5,817 kes kebakaran bangunan di seluruh negara. Daripada jumlah ini, Negeri Selangor mencatatkan jumlah paling tinggi dalam kebakaran bangunan dan diikuti Kuala Lumpur, Kedah dan Johor. Pecahan 4 negeri tertinggi beserta Balai terlibat adalah seperti berikut:

During the year 2013, FRDM has recorded 5817 fires on building across the country. Of these, Selangor recorded the highest number of building fires and followed Kuala Lumpur, Kedah and Johor. Breakdown of the 4 highest states with the station involved is as follows:


- i) Selangor (1,119)
 - a. BBP Kajang - 106 Kes
 - b. BBP Shah Alam - 90 Kes
 - c. BBP Sungai Buloh - 71 Kes
 - d. BBP Klang Utara - 74 Kes
- ii) Kuala Lumpur (818)
 - a. BBP Hang Tuah - 83 Kes
 - b. BBP Jinjang - 75 Kes
 - c. BBP Sentul - 67 Kes
- iii) Kedah (553)
 - a. BBP Sungai Petani - 135 Kes
 - b. BBP Alor Setar - 87 Kes
 - c. BBP Jalan Raja - 61 Kes
- iv) Johor (515)
 - a. BBP Johor Jaya - 78 Kes
 - b. BBP Johor Bahru - 68 Kes
 - c. BBP Pulai - 57 Kes

- i) Selangor (1,119)
 - a. BBP Kajang - 106 Case
 - b. BBP Shah Alam - 90 Case
 - c. BBP Sungai Buloh - 71 Case
 - d. BBP Klang Utara - 74 Case
- ii) Kuala Lumpur (818)
 - a. BBP Hang Tuah - 83 Case
 - b. BBP Jinjang - 75 Case
 - c. BBP Sentul - 67 Case
- iii) Kedah (553)
 - a. BBP Sungai Petani - 135 Case
 - b. BBP Alor Setar - 87 Case
 - c. BBP Jalan Raja - 61 Case
- iv) Johor (515)
 - a. BBP Johor Jaya - 78 Case
 - b. BBP Johor Bahru - 68 Case
 - c. BBP Pulai - 57 Case

(Nota: BBP : Balai Bomba dan Penyelamat/ Fire and Rescue Station)

d) Bagi memudahkan proses analisa, bangunan-bangunan yang terlibat dengan kebakaran telah dikategorikan mengikut jenis-jenis bangunan berdasarkan kategori UBBL. Berikut adalah pecahan jenis-jenis bangunan yang terlibat dalam kebakaran di seluruh negara;


d) To simplify the analysis process, the buildings affected by the fire were categorized by the types of buildings based on UBBL category. Here is a breakdown of the types of buildings involved in fires across the country;



Carta 7 : Pecahan Kebakaran Bangunan Mengikut Kategori UBBL
Chart 7: Breakdown of Building Fire by UBBL Category

e) Merujuk kepada carta 7 di atas, kategori premis kediaman adalah merupakan penyumbang tertinggi kepada statistik kebakaran bangunan dihadiri JBPM. Jumlah keseluruhan kebakaran premis kediaman adalah 3,500 kes (kategori kediaman dan kediaman lain). Carta berikutnya menggambarkan jenis-jenis premis kediaman yang telah dicatatkan.

e) Refer to the chart 7 above, the category of residential premises is a major contributor to the building fire statistics attended FRDM. The total number of residential on fire is 3500 cases (residential and other residential category). The next chart illustrates the types of residential premises that have been recorded.




Carta 8 : Jumlah Kebakaran Premis Kediaman
Chart 8: Number of Fire on Residential Premises

f) Merujuk kepada carta 8, kategori rumah kediaman adalah merupakan kategori tertinggi (1,243 kes) terlibat dalam kebakaran di seluruh negara. Rumah kediaman adalah merujuk kepada mana-mana perumahan yang didirikan secara persendirian tanpa melalui syarikat pembinaan seperti rumah persendirian, banglo atau berkembar. Seterusnya statistik kebakaran premis kediaman diikuti oleh rumah teres (1,042), flat (469) dan apartment/kondo (218).

f) Refer to the chart 8, housing category is the highest category (1,243 cases) involved in a fire across the country. Housing refers to any housing built privately without construction companies such as private homes, bungalows or detached. The fire statistics on residential premises then followed by terraced houses (1,042), flat (469) and apartment / condo (218).

g) Penekanan juga diberikan kepada statistik kebakaran bangunan bertingkat di Malaysia. Penerangan terhadap statistik tersebut dinyatakan seperti carta di bawah.

g) Emphasis is also given to the statistic of rise building on fire in Malaysia. Description of the statistics set out in the chart below.



Carta 9 : Kebakaran Bangunan Bertingkat di Malaysia
Chart 9: Rise Building Fire in Malaysia

Sehingga suku tahun ketiga 2013, sejumlah 1,061 daripada 5,817 kes kebakaran bangunan yang dicatatkan adalah melibatkan kebakaran bangunan bertingkat. Kategori bangunan bertingkat adalah seperti berikut:

Until the third quarter of 2013, a total of 1,061 out of 5,817 building fire cases recorded is a fire involving the high-rise buildings. Categories of rise buildings are as follows:

- i) Rumah Flat – 469 kes
- ii) Rumah Apartment/Kondo – 218 kes
- iii) Pejabat – 182 kes
- iv) Rumah Kedai – 138 kes
- v) Hotel – 46 kes
- vi) Premis/hotel budget – 8 kes

- i) Flats - 469 cases
- ii) Home Apartment / Condo - 218 cases
- iii) Office - 182 cases
- iv) Shoplots - 138 cases
- v) Hotel - 46 cases
- vi) Premises / budget hotel - 8 cases

Carta 9 menunjukkan pecahan jumlah bangunan bertingkat yang terbakar mengikut negeri. Kuala Lumpur mencatatkan jumlah tertinggi kebakaran bangunan bertingkat di mana sejumlah 410 kes dicatatkan. Negeri Selangor mencatatkan jumlah kedua tertinggi di mana 240 kes dicatatkan dan Pulau Pinang merekodkan sebanyak 110 kes kebakaran. Pecahan mengikut balai terlibat di ketiga-tiga negeri tersebut adalah seperti berikut:


Chart 9 shows breakdown of the multi-storey buildings on fire by states. Kuala Lumpur recorded the highest number of fires on rise buildings where a total of 410 cases were registered. Selangor recorded the second highest number in which 240 cases were registered and Pulau Pinang recorded 110 cases of fire. The breakdown by station involved in the three states are as follows:

- i) Kuala Lumpur (410)
 - a. BBP Hang Tuah (46)
 - b. BBP Sentul (34)
 - c. BBP Jinjang (31)
 - d. BBP Pudu (29)
 - e. BBP Sungai Buloh (29)
- ii) Selangor (240)
 - a. BBP Shah Alam (26)
 - b. BBP Puchong (23)
 - c. BBP Kajang (22)
- iii) Pulau Pinang (110)
 - a. BBP Jalan Perak (24)
 - b. BBP Bayan Baru (15)
 - c. BBP Paya Terubong (14)

- i) Kuala Lumpur (410)
 - a. BBP Hang Tuah (46)
 - b. BBP Sentul (34)
 - c. BBP Jinjang (31)
 - d. BBP Pudu (29)
 - e. BBP Sungai Buloh (29)
- ii) Selangor (240)
 - a. BBP Shah Alam (26)
 - b. BBP Puchong (23)
 - c. BBP Kajang (22)
- iii) Pulau Pinang (110)
 - a. BBP Jalan Perak (24)
 - b. BBP Bayan Baru (15)
 - c. BBP Paya Terubong (14)

(Nota: BBP : Balai Bomba dan Penyelamat/ Fire and Rescue Station)

ANALISA KES PENYELAMATAN
ANALYSIS OF RESCUE CASES




Carta 10 : Kes Penyelamatan Mengikut Negeri
Chart 10: Rescue Cases by State

Bagi tahun 2013, JBPM telah menerima sejumlah 33,068 panggilan melibatkan kes penyelamatan dan khidmat kemanusiaan. Negeri yang paling kerap menerima panggilan tersebut adalah negeri Selangor iaitu 6,823 panggilan diikuti negeri Johor [4,311] dan Perak [3,382].

In the year 2013, FRDM has received a total of 33,068 calls involving rescue and humanitarian cases. The most frequently receiving calls is the state of Selangor with 6,823 calls followed by Johor [4,311] and Perak [3,382].

a) Daripada jumlah keseluruhan 33,068 kes penyelamatan yang dihadiri oleh JBPM sepanjang tahun 2013, berikut adalah analisa terhadap kategori penyelamatan yang telah dijalankan.

a) Of the total 33,068 rescue cases attended by FRDM during 2013, and the following is an analysis of the category of rescue that has been conducted.



Carta 11 : Jenis-jenis Kecemasan yang dihadiri JBPM
Chart 11: Types of Emergencies attended by FRDM

Berdasarkan carta 11 di atas, kes penyelamatan yang dijalankan dapat dikategori sebagai:

- Kecemasan Lain – 19,600 kes
- Kemalangan Jalanraya – 6,029 kes
- Bencana Alam – 3,008 kes
- Kecemasan Bangunan/Mesin – 2,345 kes
- Kebocoran Bahan Berbahaya – 1,419 kes
- Mencari dan menyelamatkan – 667 kes

b) Berikut adalah pecahan operasi penyelamatan kategori kecemasan lain:

Daripada 19,600 kes kecemasan lain yang direkodkan, 9,588 kes adalah merupakan khidmat menangkap ular atau haiwan berbahaya. Manakala 7,450 kes adalah melibatkan operasi memusnahkan serangga. Baki 2,562 kes adalah lain-lain kes kecemasan seperti kes cubaan bunuh diri, ancaman pengganas, rusuhan, potong cincin, pokok tumbang dan lain-lain.

c) Kategori kedua tertinggi dalam statistik kes penyelamatan adalah kemalangan jalanraya dimana 6,029 kes telah dicatatkan.

Daripada jumlah keseluruhan 6,029 kes kemalangan yang dihadiri JBPM, jalanraya negeri/bandaran mencatatkan jumlah kemalangan tertinggi iaitu 3,132 kes. Jalanraya persekutuan adalah kedua tertinggi iaitu 1,432 kes dan selebihnya berlaku di lebuh raya (1,229 kes) dan jalan-jalan lain (236 kes).

Based on the chart 11 above, the rescue cases which were carried out can be categorized as:


- Other Emergencies - 19,600 cases
- Road accidents - 6,029 cases
- Catastrophe - 3,008 cases
- Emergency Building / Machine - 2,345 cases
- Leaks of Hazardous Substances - 1,419 cases
- Search and rescue - 667 cases

b) Here is breakdown of rescue operations in other emergency categories:

Of the 19,600 cases recorded in other emergencies, 9,588 cases are a service in catching snakes or dangerous animals. While 7,450 cases were involved in the operation to destroy insects. The remaining 2,562 cases were other emergency cases such as cases of attempted suicide, terrorism, riots, cut into rings, uprooted trees and others.

- Mengkaji teknik-teknik sains forensik dalam penyiasatan kebakaran.
- Menjalankan penyiasatan kebakaran bagi kebakaran besar.
- Menjadi saksi pakar di Mahkamah.
- Menyediakan prosedur menganalisa sampel di makmal penyiasatan kebakaran.

CAWANGAN PENDAKWAAN KEBAKARAN

- Menyediakan prosedur pendakwaan.
- Menyediakan kertas siasatan bagi pelanggaran kes di bawah Akta.
- Menjalankan pendakwaan di mahkamah.
- Menjalankan pengkompanaan kesalahan di bawah Akta.

CAWANGAN PERUNDANGAN KEBAKARAN

- Menyemak dan menyediakan draf pindaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.
- Menyemak dan menyediakan draf peraturan-peraturan yang berkaitan dengan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.
- Memberi khidmat nasihat dari segi perundangan berkaitan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

FIRE INVESTIGATION BRANCH

- *To prepare the procedure of implementation the fire investigation*
- *To prepare the procedure of taking possession of premises and other properties under section 46 Act 341*
- *To prepare the procedure of the evidence collection.*
- *To prepare the procedure of the witnesses interviewing under section 42 and 43, Act 341.*
- *To study forensic sciences techniques in the fire investigation.*
- *To investigate the major fire incident.*
- *As an expert witness in court.*
- *To prepare the samples analysis procedure at the Fire Investigation Laboratory.*

FIRE PROSECUTION BRANCH

- *To prepare prosecution procedure.*
- *To prepare investigation paper of any contravene case under the Act.*
- *To conduct prosecutions in court.*
- *Compounding of offenses under the Act.*

FIRE LEGISLATION BRANCH

- *To review and prepare the draft of amendments of Fire Services Act 1988.*
- *To review and prepare the draft of the regulations under the Fire Services Act 1988.*
- *Providing legal advice relating to the Fire Services Act 1988.*

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN

Bahagian Penyiasatan Kebakaran telah menganjurkan Majlis Perhimpunan di Dewan Sutera Ibu Pejabat JBPM Putrajaya pada 12 April 2013. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor Bin Hj Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM.

Di dalam Majlis itu, YAS Ketua Pengarah telah menyatakan mengenai hasrat jabatan untuk menjadi sebuah organisasi yang berprestasi tinggi. Beliau berharap Jabatan mempunyai pegawai-pegawai yang berkualiti atau great officer untuk menjadi pemimpin dan individu yang berkebolehan dengan kepakaran tertentu.

Pada masa yang sama, YAS Ketua Pengarah melancarkan perasmian elektronik Sistem Pelaporan Penyiasatan Kebakaran (e-SPPK).



Pegawai-pegawai kanan jabatan serta warga kerja Ibu Pejabat JBPM.
FRDM Senior officers and headquarters staff attending the Monthly Assembly at Sutera Hall.

MONTHLY ASSEMBLY

Fire Investigation Division has hosted Monthly Assembly at Sutera Hall, Headquarters Putrajaya on 12 April 2014. The assembly was officiated by YAS Dato' Wan Mohd Nor Bin Hj Ibrahim, Director General of FRDM.

During the assembly, YAS Director General had been expressed the department's intention to become a high performance organization. He hoped the department has quality officer or great officer in order to be a leader and capable with the expertise.

At the same time, YAS Director General also launched the electronic "Sistem Pelaporan Penyiasatan Kebakaran (e-SPPK)".



Penyampaian Sijil kepada peserta Mentor Mentee.
Certificate presentation to the Mentor Mentee participants.

MESYUARAT PENOLONG-PENOLONG PENGARAH NEGERI BAHAGIAN PENYIASATAN KEBAKARAN

Dalam memastikan keseragaman penyiasatan, Bahagian ini telah mengadakan dua kali mesyuarat Penolong-penolong Pengarah Negeri dan Pegawai Makmal, Bahagian Penyiasatan Kebakaran. Mesyuarat pertama telah diadakan di Sungai Petani, Kedah pada 1 hingga 3 April 2013. Mesyuarat kedua diadakan di Cameron Highlands, Pahang pada 28 hingga 30 Oktober 2013.



MEETING OF THE STATES ASSISTANT DIRECTOR OF FIRE INVESTIGATION DIVISION

To ensure uniformity in the investigation, this Division had conducted two time State Assistant Director and Lab Officer of Fire Investigation Division meetings. The first meeting was held at Sungai Petani, Kedah on the 1st to 3rd April 2013. The second meeting was held at the Cameron Highlands, Pahang on 28th to 30th October 2013.





Mesyuarat Penolong-Penolong Pengarah Negeri Bahagian Penyiasatan Kebakaran dan Pegawai Makmal Bil. 1/2013 di Cinta Sayang Golf & Country Club, Sungai Petani, Kedah.
Meeting of State Assistant Director of Fire Investigation Division and Lab Officer Serie 1/2013 in Cinta Sayang Golf & Country Club, Sungai Petani, Kedah.



Mesyuarat Penolong-Penolong Pengarah Negeri Bahagian Penyiasatan Kebakaran dan Pegawai Makmal Bil. 2/2013 di Century Pines Resort, Cameron Highlands, Pahang.
Meeting of State Assistant Director of Fire Investigation Division and Lab Officer Serie 2/2013 at Century Pines Resort, Cameron Highlands, Pahang.

NAZIRAN KE BAHAGIAN PENYIASATAN KEBAKARAN NEGERI-NEGERI

Bagi memastikan pegawai-pegawai negeri dapat melaksanakan penyiasatan secara berkesan mengikut prosedur yang ditetapkan, Ibu Pejabat Bahagian Penyiasatan Kebakaran telah mengadakan naziran ke negeri-negeri. Langkah yang telah diambil itu telah dapat meningkatkan produktiviti dan kualiti penyiasatan kebakaran yang dijalankan.

INSPECTORATE TO FIRE INVESTIGATION DIVISION AT STATE LEVEL

To ensure the officer at states are able to conduct the investigation effectively according to the procedure, the Fire Investigation Division headquarters had been conducted the inspectorate at the state. The measures had been taken to improve the productivity and quality of fire investigations.

Kesempatan ini turut memberi peluang kepada pegawai-pegawai di negeri untuk berkongsi pendapat dengan pegawai-pegawai kanan di ibu pejabat dalam pelbagai perkara berkaitan tugas yang dijalankan.

In this occasion also give an opportunity for the state officers to share their views with senior officers from headquarters on various matters related to the task.



Naziran Bahagian Penyiasatan Kebakaran di Ibu Pejabat Negeri.
Inspectorate of Fire Investigation Division at the State Headquarters.



Naziran Bahagian Penyiasatan Kebakaran di peringkat zon dan balai.
Inspectorate of Fire Investigation Division at the zone and station.



KURSUS FORENSIK KEBAKARAN DI LUAR NEGARA

Untuk menjadi seorang yang pakar dalam aspek penyiasatan kebakaran, modal insan perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang luas. Oleh itu, setiap tahun Jabatan telah menghantar empat orang pegawai untuk menghadiri kursus penyiasatan kebakaran di peringkat antarabangsa. Pada tahun lepas Dua pegawai telah dihantar menghadiri International Association of Arson Investigators (IAAI) Conference di Orlando Florida, Amerika Syarikat. Dua pegawai lagi telah dihantar menghadiri kursus yang dianjurkan oleh Bureau of Alcohol, Tobacco, Firearms and Explosives (ATF) di International Law Enforcement Academy, Bangkok, Thailand.

THE INTERNATIONAL FIRE INVESTIGATION COURSE

To be an expert in fire investigation aspect, human capital should have knowledgeable and vast skill. Hence, every year the Department had sent four officers to attend the international fire investigation course. Last year, two officers were sent to the International Association of Arson Investigators (IAAI) Conference at Orlando, Florida, State of America. Two other officers were sent to attended the course organized by the Bureau of Alcohol, Tobacco, Firearms and explosives (ATF) at the International Law Enforcement Academy, Bangkok, Thailand.



Kursus Arson Investigation di ILEA, Bangkok.
Arson Investigation course at ILEA Bangkok.



Simulasi kebakaran di ILEA, Bangkok.
Simulated fire in ILEA Bangkok.

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA UNIVERSITI

Untuk meneruskan kerjasama dengan Universiti Sains Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia, Jabatan telah melaksanakan dua kursus sains forensik kepada pelajar forensik.

Pada 13 November 2013, sesi simulasi kebakaran telah dijalankan di Bahagian Penyiasatan Kebakaran JBPM Negeri Selangor kepada pelajar Sains Forensik UKM. Kursus Forensik Kebakaran kepada pelajar Sains Forensik USM pula diadakan pada 2 hingga 5 Disember 2013 di ABPM Wakaf Tapai.

MEMORANDUM OF UNDERSTANDING BETWEEN UNIVERSITY.

To continue the cooperation with Universiti Sains Malaysia and Universiti Kebangsaan Malaysia, the department has conducted two courses of forensic science to the forensic student.

On 13th November 2013, a fire simulation session was conducted in the Selangor State Fire Investigation Division for the Forensic Science students from Universiti Kebangsaan Malaysia. Fire Forensic Course for Forensic Science students from Universiti Sains Malaysia was held on 2nd to 5th December 2013 at FRAM Wakaf Tapai.



Pelajar Sains Forensik UKM mendengar taklimat simulasi kebakaran.
Fire simulation briefing to Science Forensic Students of UKM.



Pelajar Sains Forensik USM melakukan penyiasatan kebakaran ketika simulasi kebakaran di ABPM Wakaf Tapai.
Science Forensic Students of USM was conducting a fire investigation during fire simulation In FRAM Wakaf Tapai.



KERJASAMA DENGAN FORENSIK PERUBATAN

Satu perjumpaan di antara Penolong Ketua Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran dengan pegawai Forensik Perubatan Hospital Kuala Lumpur (HKL) telah diadakan pada 15 November 2013. Perjumpaan yang julung-julung kali diadakan di antara kedua-dua pihak ini telah berjaya merintis jalan mewujudkan kerjasama terutamanya dalam perkongsian maklumat antara Bahagian Penyiasatan Kebakaran dan Forensik Perubatan dalam menghasilkan laporan forensik yang bernilai dan berkualiti tinggi.

COOPERATION WITH THE MEDICAL FORENSIC

On 15th November 2013 a meeting was held between the Assistant Director General Fire Investigation Division with the Medical Forensic Officers of Kuala Lumpur Hospital (HKL). The first ever meeting was held between the two parties to pave the way for establishing cooperation, particularly in sharing information between the Fire Investigation Division and Medical Forensic in ensuring that the forensics reports produced are of high value and quality.



BENKEL PENYEDIAAN KERTAS PENYIASATAN KEBAKARAN (KPK)

Bagi memastikan penghasilan laporan penyiasatan kebakaran yang berkualiti, dua siri bengkel teknik penulisan laporan penyiasatan telah diadakan. Penolong Ketua Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran, PKPJB Edwin Galan Teruki dibantu oleh beberapa orang pegawai kanan dari ibu pejabat telah memberi panduan dan penerangan berkenaan teknik penulisan laporan penyiasatan kebakaran kepada semua pegawai penyiasat yang hadir.

Bengkel tersebut telah diadakan di JBPM Negeri Sabah pada 22 Oktober 2013 dan di JBPM Negeri Sarawak pada 10-11 Disember 2013.

REPORT WRITING TECHNIQUE WORKSHOP ON FIRE INVESTIGATION

To ensure the quality of the fire investigation report, two series report writing technique workshop were conducted. Assistant Director General Fire Investigation Division, SAFC Edwin Galan Teruki with the assistance of several senior officers from the headquarters have given guidance and explanations to the investigator pertaining to report writing techniques of fire investigation.

The workshops were held at the state FRDM of Sabah on 22nd October 2013 and in the states FRDM of Sarawak on 10th - 11th December 2013.



Bengkel Penyediaan Kertas Penyiasatan Kebakaran (KPK) di Negeri Sabah pada 22 Oktober 2013.

Workshop on Preparation of Fire Investigation Paper in Sabah on October 22, 2013.



Bengkel Penyediaan Kertas Penyiasatan Kebakaran (KPK) di Negeri Sarawak pada 10-11 Oktober 2013.

Workshop on Preparation of Fire Investigation Paper in Sarawak on 10-11 October 2013.

FORUM KESELAMATAN KEBOMBAAN ANTARA INDUSTRI PERINGKAT BORNEO MLNG-JBPM 2013

Pada 9 Disember 2013, Forum Keselamatan Kebomgaan Antara Industri Peringkat Borneo MLNG-JBPM telah diadakan di Grand Millennium, Parkcity Everly Hotel, Bintulu, Sarawak. Forum tersebut telah dirasmikan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor Bin Hj Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

MLNG-FRDM BORNEO INTER-INDUSTRY FIRE SAFETY FORUM 2013

On 9th December 2013, the Fire Safety Forum Inter Industry in Borneo MLNG-FRDM was held at the Grand Millennium, Parkcity Everly Hotel, Bintulu, Sarawak. The forum was officiated by YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim, Director General of the Fire and Rescue Department of Malaysia.

Satu kertas kerja telah dibentangkan oleh Penolong Ketua Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran PKPjB Edwin Galan Teruki yang bertajuk 'Fire Incident in Oil & Gas: A perspective from Fire Investigation'.

Kertas kerja tersebut membincangkan penemuan-penemuan utama daripada penyiasatan kebakaran yang melibatkan industri minyak dan gas.

Kertas kerja ini juga telah mencadangkan keperluan peningkatan sistem perlindungan kebakaran di loji petrokimia.

Assistant Director General Fire Investigation Division, SAFC Edwin Galan Teruki had presented the paper "Fire Incident in Oil and Gas: A perspective from Fire Investigation" in the forum.

The paper has identified the main causes of fire from previous fire investigations involving oil and gas industry. The paper also proposed the need of better improvement the fire protection system in the petrochemical plants.



Forum Keselamatan Kebombaan Antara Industri Peringkat Borneo MLNG-JBPM.
Fire Safety Forum for Industries in Borneo MLNG-FRDM.

PENYIASATAN KEBAKARAN BESAR

Sepanjang tahun 2013, YS Penolong Ketua Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran, PKPjB Edwin Galan Teruki telah mengetuai beberapa penyiasatan kebakaran besar.

Beberapa kebakaran besar yang telah disiasat adalah seperti berikut:

- Kebakaran melibatkan 7 buah bot di kuantan, Pahang.
- Kebakaran melibatkan bangunan kerajaan.
- Kebakaran melibatkan Institut Penyelidikan Perubatan.

MAJOR FIRE INVESTIGATION

During the year of 2013, Assistant Director General of Fire Investigation Division, PKPjB Edwin Galan Teruki was leading the investigation of several of major fire.

Major fires investigated are as follows:

- Fire involving seven boats at Kuantan, Pahang.*
- Fire involving government buildings.*
- Fires involving Institute for Medical Research.*



Pegawai penyiasat kebakaran sedang menjalankan siasatan kebakaran.
The fire investigation officers are conducting fire investigation.

BAHAGIAN LATIHAN TRAINING DIVISION



OBJEKTIF

- Menjana tenaga manusia yang kompeten, profesional dan berkualiti di dalam bidang kebombaam dan penyelamat.
- Menjadi pusat kecemerlangan dan rujukan dalam bidang latihan keselamatan kebombaam dan penyelamat.
- Merancang dan melaksanakan program latihan kebombaam dan penyelamat berkembar dengan institusi pengajian, institusi kebombaam dan penyelamat dalam atau luar negara.
- Menyelaraskan pengurusan pentadbiran serta pembangunan fizikal Akademi dan pusat-pusat latihan.

OBJECTIVE

- To generate competent, professional and quality manpower in aspect of fire and rescue.
- To become centre of excellent and reference for fire safety training.
- To plan and implement fire training program through smart partnership concept with foreign and local fire institution.
- To coordinate the management and development of the Academy's facilities and other training centers.

PERKHEMAHAN KADET BOMBA PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-24

Anjuran	: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Kementerian Pelajaran Malaysia
Penyertaan	: Pasukan Kadet Bomba dari Sekolah-Sekolah Menengah dari seluruh negeri di Malaysia
Tempat	: Taman Millenium, Kuala Kubu Bharu, Selangor
Tarikh	: 17hb hingga 23hb Mei 2013
Jumlah Peserta	: 1,056 orang peserta
Aktiviti	: Aktiviti perkhemahan diisi dengan pelbagai acara antaranya, pertandingan kawad kaki, kawad operasi, ASPEC Challenge, tali ikatan dan simpulan, Brain and Brawn dan Cadet Challenge dimana para kadet bomba diuji dari segi fizikal dan mental menerusi suntikan acara ini.

NATIONAL FIRE CADET CAMP 2013

Organiser	: Fire and Rescue Department of Malaysia and Ministry of Education Malaysia
Participation	: Fire Cadet Brigade from Secondary Schools in Malaysia
Place	: Millenium Park, Kuala Kubu Bharu, Selangor
Date	: 17 to 23 May 2013
No. of Participants	: 1,056 people
Activity	: The camp was filled with a variety of events including competition, marching, marching operations, ASPEC Challenge, rope and knot, Brain and Brawn and Cadet Challenge in which the cadets were tested both physically and mentally through out the event.



KEPUTUSAN <i>Results</i>	NEGERI <i>State</i>
JOHAN <i>Champion</i>	Sarawak
NAIB JOHAN <i>1st Runner Up</i>	Selangor

Jadual 1: Keputusan Pertandingan Perkhemahan Kadet Bomba dan Penyelamat Malaysia Kali ke-24 Tahun 2013

Table 1: Results of the 24th National Marching Skills Competition Year 2013


TAHUN <i>Year</i>	PASUKAN <i>Team</i>	AHLI <i>Members</i>
2010	894	90,208
2011	1,013	141,171
2012	1,101	146,947
2013	1,428	159,963

Jadual 2: Jumlah Pasukan dan Ahli Kadet Bomba dan Penyelamat Malaysia

Table 2: Total Teams and Members of the Fire Cadet

Secara keseluruhan pasukan dan ahli kadet bomba menunjukkan peningkatan bagi ahli kadet bomba bagi tahun 2013 [Carta 1]. Sehingga penghujung tahun 2013, terdapat peningkatan peratusan bilangan ahli iaitu daripada 146,947 pada tahun 2012 kepada 159,963 pada tahun 2013. Iaitu peningkatan sebanyak 8.85%. Manakala pasukan kadet bomba meningkat sebanyak 29.7% iaitu daripada 1,101 pasukan pada tahun 2012 kepada 1,428 pasukan pada tahun 2013.

Overall the teams and members of the fire cadet showed an increment membership for the year 2013 [Chart 1]. By the end of 2013, there was an increment in the membership percentage 146,947 in 2012 to 159,963 in 2013. An increase of 8.85%. The cadet teams was increased by 29.7% from 1,101 teams in 2012 to 1,428 teams in 2013.



Carta 1 : Graf Jumlah Pasukan dan Ahli Kadet Bomba dan Penyelamat Malaysia

Figure 1: Graph of Total Teams and Members of the Fire Cadet

PERTANDINGAN KAWAD KECEKAPAN PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-15

15th NATIONAL SKILLS DRILL COMPETITION FOR THE YEAR 2013

Anjuran : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Penyertaan Tempat : Kontijen-kontijen dari setiap negeri
: Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Dataran Teluk Batik, Tasik Lembayung, BBP Sri Iskandar dan Teluk Senangin, Perak

Tarikh : 18hb sehingga 23hb Ogos 2013

Jumlah Peserta : 720 orang peserta terdiri daripada 16 kontijen

Aktiviti : Acara-acara yang telah dipertandingkan ialah Kawad Kaki, Kawad Menyelamat di Air, Kawad Operasi Hantaran Jauh Berhalangan, Kawad Operasi Penyelamatan Kemalangan Jalan Raya, Fire Fighter Challenge (FFC), Sindiket Perancangan/Strategi Taktik Operasi (Table Top), Kawad Operasi Naik dan Turun Tangga, Kawad Operasi Membentang Hos, SARNAV dan Kawad Operasi Fireman Lift

Organiser : Fire and Rescue Department of Malaysia

Participation Place : Contigents from all the states
: Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Dataran Teluk Batik, Tasik Lembayung, BBP Sri Iskandar dan Teluk Senangin, Perak

Date : 18 to 23 August 2013

No. of Participants : 720 participants from 16 contigents

Activity : The contested events were Marching Drill, Water Rescue Drill, Obstacle Delivery Operations Marching, Road Accident Rescue Operations Marching, Fire Fighter Challenge (FFC), Syndicate Planning / Strategy Operations Tactics (Table Top), Up and Down Stairs Operation Marching, Unfolds Hose Drill Operation, SARNAV and Fireman Lift Operations Drill.



NEGERI <i>State</i>	KEPUTUSAN KESELURUHAN / <i>Overall Results</i>	
	KEDUDUKAN / <i>Position</i>	MARKAH (MERIT) / <i>Marks (Merit)</i>
Selangor	1	5.8
Sarawak	2	8.5
Sabah	3	9.8
WP Labuan	4	10.8
WP Kuala Lumpur	5	12.3
Pulau Pinang	6	12.4
Kedah	7	12.5
Negeri Sembilan	8	12.7
Perak	9	13.0
Pahang	10	13.3
Kelantan	11	15.5
Melaka	12	15.7
WP Putrajaya	13	16.5
Perlis	14	16.6
Terengganu	15	16.6
Johor	16	17.3

Jadual 3: Keputusan Keseluruhan Pertandingan Kawad Kecekapan Peringkat Kebangsaan Kali Ke-15 Tahun 2013

Table 3: Overall Results of 15th National Skills Drill Competition for Year 2013

KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-24

THE 24th NATIONAL CONVENTION OF INNOVATIVE & CREATIVE GROUP (ICG)

Anjuran : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Penyertaan : 1 kumpulan dari setiap negeri
Tempat : KSL Hotel, Johor Bahru, Johor
Tarikh : 23hb hingga 27hb November 2013
Jumlah Peserta : 16 kumpulan
Aktiviti : Acara-acara yang telah dipertandingkan pertandingan inovasi, persembahan projek pasukan KIK, pertandingan Debat Perdana Inovasi, sesi viva (soal jawab), pameran inovasi, konvensyen KIK dan keselamatan kebakaran.

Organiser : Fire and Rescue Department of Malaysia
Participation : 1 team from each state
Place : KSL Hotel, Johor Bahru, Johor
Date : 23 to 27 November 2013
No. of Participants : 16 teams
Activity : Events which were contested were innovation competition, team project presentations, Innovation Debate competitions, viva (question and answer), innovation exhibition, ICC convention and fire safety.



KEPUTUSAN / Result	Negeri / State	TAJUK / Title
Johan	Negeri Sembilan	"Penggunaan Silling Hook Kurang Pratikal Semasa Operasi".
Naib Johan	Selangor	"Alternatif Hydrant Outlet (AHO) - Alat yang digunakan jika outlet pili bomba hilang dan rosak"

Jadual 8: Keputusan Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Peringkat Kebangsaan Kali Ke-24 Tahun 2013
Schedule 8: Result of The 24th National Convention of Innovative and Creative Group (ICG) Year 2013

PENCAPAIAN KERJASAMA ANTARABANGSA BAGI TAHUN 2013 INTERNATIONAL PARTNERSHIP ACHIEVEMENT YEAR 2013

JAPAN INTERNATIONAL COOPERATION AGENCY (JICA) "STUDY MISSION"

JAPAN INTERNATIONAL COOPERATION AGENCY (JICA) "STUDY MISSION"

Lawatan : Kerja sambil belajar JICA
Tempat : Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Putrajaya, Pusat Pengurusan Operasi (PPO), JBPM Jalan Hang Tuah, Menara Berkembar Petronas (KLCC), Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia (ABPM) Kuala Kubu Bahru, JBPM Genting, Central Emergency & Fire Services (CEFS) Petronas, Logi Penapis Minyak Kertih, Balai Bomba Sukarela Gong Badak, ABPM Wakaf Tapai, Lab Penyiasatan Kebakaran Bukit Jelutong dan Pusat Penyelidikan Kebommbaan (PUSPEK) Bandar Enstek.
Tarikh : 1hb hingga 4hb Julai 2013
Jumlah Delegasi : 8 Orang

Visit : JICA study mission
Place : Headquarters of Fire and Rescue Department of Malaysia, Putrajaya; Operation Management Centre, FRDM Jalan Hang Tuah, Petronas Twin Towers (KLCC), Fire and Rescue Academy of Malaysia, Kuala Kubu Bahru, FRDM Genting, Central Emergency & Fire Services (CEFS) Petronas, Kertih Oil Refinery, Volunteer Fire Station of Gong Badak, FRAM Wakaf Tapai, Fire Investigation Lab Bukit Jelutong dan Fire Research Centre (PUSPEK) Bandar Enstek.
Date : 1 to 4 July 2013
No. of delegates : 8 people



MALAYSIAN TECHNICAL COOPERATION PROGRAMME (MTCP)

Kursus : Pengurusan Bencana Bahan Berbahaya
Anjuran : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Wisma Putra
Penyertaan : Palastine, Iraq, Maldive, Jordan, Cook Island, Monggolia, Filipina, Ghana, Togo, Nigeria, Iran, Sudan dan Zimbabwe.
Tempat : Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Kubu Bharu, Selangor.
Tarikh : 20hb Oktober hingga 01 November 2013
Jumlah Peserta : 13 orang



MALAYSIAN TECHNICAL COOPERATION PROGRAMME (MTCP)

Course : Disaster Management of Hazardous Substances
Organiser : Fire and Rescue Department of Malaysia and Wisma Putra
Participation : Palastine, Iraq, Maldive, Jordan, Cook Island, Monggolia, Filipina, Ghana, Togo, Nigeria, Iran, Sudan dan Zimbabwe.
Place : Fire and Rescue Academy of Malaysia, Kuala Kubu Bharu, Selangor.
Date : 20 October to 01 November 2013
No. of participants : 13 people



ORGANISATION FOR THE PROHIBITION OF CHEMICAL WEAPONS (OPCW)

Kursus : Regional Course for Assistance and Protection for ASEAN state parties
Anjuran : OPCW, Pihak berkuasa convention senjata kimia Wisma Putra dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Penyertaan : Malaysia (5), Filipina (3), Thailand (3), Myanmar (2), Indonesia (2), New Zealand (2), Australia (3) dan Belanda (2).
Tempat : Best Western Premier Hotel dan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Kubu Bharu, Selangor
Tarikh : 28hb Oktober hingga 1 November 2013
Jumlah Peserta : 22 Orang



ORGANISATION FOR THE PROHIBITION OF CHEMICAL WEAPONS (OPCW)

Course : Regional Course for Assistance and Protection for ASEAN state parties
Organiser : OPCW, Chemical Weapon Authority from Wisma Putra Fire and Rescue Department of Malaysia
Participation : Malaysia (5), Filipina (3), Thailand (3), Myanmar (2), Indonesia (2), New Zealand (2), Australia (3) dan Holland (2).
Place : Best Western Premier Hotel and Akademi Bomba dan Fire and Rescue Academy of Malaysia, Kuala Kubu Bharu, Selangor.
Date : 28 October to 1 November 2013
No. of participants : 22 people

BAHAGIAN UDARA AIR DIVISION



PENOLONG KETUA PENGARAH BAHAGIAN UDARA JBPM ASSISTANT DIRECTOR GENERAL FRDM AIR DIVISION

CAWANGAN PENGURUSAN OPERASI UDARA

1. Mengkaji dan menilai bagi semua permohonan penggunaan pesawat.
2. Mengeluarkan arahan-arahan dan panduan pergerakan pesawat.
3. Mengkaji dan menentukan kawasan jangkauan pengoperasian pesawat dan kawasan latihan pesawat.
4. Merancang dan menentukan sistem perhubungan pesawat dan kod-kod komunikasi.
5. Menyelaraskan pengoperasian Pasukan Khas bersama pesawat. Penyelarasan dengan agensi-agensi penguatkuasaan [DCA dan TUDM].

CAWANGAN PENGURUSAN KESELAMATAN, PIAWAIAN DAN LATIHAN

1. Mengawalselia kompetensi anakapal.
2. Mengawalselia 'airworthiness' pesawat.
3. Menentukan tahap latihan anakapal, pasukan khas dan kejuruteraan.
4. Menyediakan Peraturan Tetap Operasi bagi Operasi Pesawat dan latihan pesawat.
5. Melaksanakan naziran di Pangkalan-pangkalan Udara Bomba.
6. Penyelarasan dengan agensi-agensi penguatkuasa [DCA dan TUDM].

AIR OPERATION MANAGEMENT BRANCH

1. Review And Evaluate All Applications For The Use Of Aircrafts.
2. Issue Instructions And Guidelines On Aircrafts Movements.
3. Review And Determine The Operational Range Of Aircrafts And The Range Of Aircrafts Training.
4. Plan And Establishing The Aircrafts Communication System And Communication Codes.
5. Coordinate Special Forces Joint Operations Utilizing Aircrafts. Coordination With Other Enforcement Agencies. [DCA And RMAF].

MANAGEMENT OF SAFETY, STANDARDS AND TRAINING BRANCH

1. Regulate the competency of crew.
2. Regulate airworthiness of aircraft.
3. Determine the level of training for the crew, special forces and engineering.
4. Prepare Operations Standing Order for Aircrafts operations and aircrafts training.
5. Perform inspection of FRDM Air bases.
6. Coordination with other enforcement agencies. [DCA and RMAF].

CAWANGAN KEJURUTERAAN PESAWAT

1. Merancang keperluan peralatan gantian pesawat.
2. Mengurus dan membuat penyelenggaraan pesawat.
3. Menyediakan laporan peralatan dan komponen pesawat untuk pelupusan.

PANGKALAN UDARA SUBANG

1. Menguruskan perhubungan pentadbiran di antara Bahagian Udara dengan Pangkalan- Pangkalan.
2. Merancang dan menyediakan anggaran keperluan peruntukan bagi bahagian dan Pangkalan Udara.
3. Mengurus proses kewangan.
4. Merancang keperluan-keperluan peralatan dan alatganti di Pangkalan-pangkalan Udara Bomba.
5. Khidmat penerangan.
6. Khidmat penyelamatan dengan Pasukan Khas (MUST Team).
7. Menyediakan kontrak dan perjanjian perolehan / bekalan alatganti.

PANGKALAN UDARA BERTAM

1. Menguruskan perhubungan pentadbiran di antara Bahagian Udara dengan Pangkalan- Pangkalan.
2. Merancang dan menyediakan anggaran keperluan peruntukan bagi bahagian dan Pangkalan Udara.
3. Mengurus proses kewangan.
4. Merancang keperluan-keperluan peralatan dan alatganti di Pangkalan-pangkalan Udara Bomba.
5. Khidmat penerangan.
6. Khidmat penyelamatan dengan Pasukan Khas (MUST Team).
7. Menyediakan kontrak dan perjanjian perolehan / bekalan alatganti.

AIRCRAFT ENGINEERING BRANCH

1. Plan for aircraft replacement parts requirement.
2. Manage and to do aircraft maintenance.
3. Prepare reports of equipments and aircraft components for disposal.

SUBANG AIR BASE

1. Manage administrative communication between Air Division with Bases.
2. Plan and prepare estimation of the requirement of allocation for parts and the Air Base.
3. Manage financial processes.
4. Plan the requirements of equipments and parts FRDM Air bases.
5. Information services.
6. Rescue services with Special Forces (MUST Team).
7. Prepare acquisition /spare part contracts and agreements.

BERTAM AIR BASE

1. Manage administrative communication between Air Division with Bases.
2. Plan and prepare estimation of the requirement of allocation for parts and the Air Base.
3. Manage financial processes.
4. Plan the requirements of equipments and parts FRDM Air bases.
5. Information services.
6. Rescue services with Special Forces (MUST Team).
7. Prepare acquisition /spare part contracts and agreements.

PEGAWAI MEMERINTAH COMMANDING OFFICER

CAWANGAN PENGURUSAN OPERASI UDARA

1. Mengoperasikan pesawat Mi-17, Mi-171 dan Agusta A109E.
2. Melaksanakan operasi mencari menyelamatkan dan pemadaman kebakaran bersama pesawat (Pasukan Khas)
3. Melaksanakan latihan-latihan penerbangan dan Pasukan Khas mengikut jadual yang telah ditetapkan.
4. Melaksanakan penerbangan ujian pesawat selepas penyelenggaraan.
5. Memastikan semua anakapal dan pasukan khas sentiasa mematuhi peraturan keselamatan pesawat.
6. Menyelaras perhubungan diantara Pangkalan-pangkalan Udara Bomba dengan Menara Kawalan Udara (DCA dan TUDM).
7. Memantau pergerakan semua pesawat semasa operasi dan latihan.
8. Menyelaras dan menyalurkan maklumat-maklumat strategi dan data-data penerbangan.
9. Melaksanakan latihan kecekapan bersama pesawat.

CAWANGAN PENGURUSAN KESELAMATAN, PIAWAIAN DAN LATIHAN

1. Mengawalselia kompetensi anakapal.
2. Mengawalselia 'airworthiness' pesawat.
3. Menentukan tahap latihan anakapal, pasukan khas dan kejuruteraan pesawat.
4. Memastikan pematuhan terhadap Peraturan Tetap Operasi bagi operasi pesawat dan latihan pesawat.
5. Penyelarasan dengan agensi-agensi penguatkuasaan (DCA dan TUDM).

CAWANGAN KEJURUTERAAN PESAWAT

1. Melaksanakan penyelenggaraan pesawat Mi-17 IV dan Mi-171
2. Melaksanakan penyelenggaraan pesawat Agusta A109E dan AW 139.
3. Merancang dan menyediakan bekalan alatganti dan bahan-bahan keperluan pesawat.
4. Mengawalselia penyelenggaraan peralatan keselamatan pesawat dan peralatan-peralatan penyelenggaraan.
5. Menyediakan bekalan bahanapi pesawat di pangkalan dan di luar pangkalan.
6. Mengawalselia kerosakan peralatan kebombaian dan kenderaan utiliti.

AIR OPERATION MANAGEMENT BRANCH

1. Operate Mi-17, Mi-171 and Agusta A109E aircrafts.
2. Perform joint aircraft rescue and fire fighting (special forces).
3. Perform scheduled special forces and flight training.
4. Perform aircraft test flights after maintenance.
5. Ensure all crew and special forces complies with the aircraft safety regulations.
6. Coordinate communication between FRDM Air bases and Control Tower (DCA and RMAF).
7. Monitor the movement of all aircrafts during operations and training.
8. Coordinate and disseminate strategic information and flight data.
9. Implement aircraft competency training.

MANAGEMENT OF SAFETY, STANDARDS AND TRAINING BRANCH

1. Regulate crew competency.
2. Regulate aircraft airworthiness.
3. Determine the training level of crew, special forces and aircraft engineering.
4. Ensure compliance with Operations Standing Order for the operation of aircraft and aircraft training.
5. Coordination with other enforcement agencies. (DCA and RMAF).

AIRCRAFT ENGINEERING BRANCH

1. Perform maintenance on Mi-17 IV and Mi-171 aircrafts.
2. Perform maintenance on Agusta A109E and AW 139 aircraft.
3. Plan and provide for aircraft replacement parts and requirements.
4. Overseeing the maintenance of the aircraft safety equipment and maintenance equipment.
5. Provide aircraft fuel supply on base and off base.
6. Overseeing the damages on fire fighting equipments and utility vehicles.

PENTADBIRAN

1. Menyelaras perhubungan pentadbiran diantara Pangkalan Udara dengan Bahagian Udara.
2. Merancang dan menyediakan anggaran belanja mengurus Pangkalan.
3. Menyelia dan mengurus stor bekalan.

CAWANGAN PASUKAN KHAS

1. Memberi khidmat paramedik dan membuat pemindahan mangsa sama ada yang hidup, sakit, cedera atau mati ke kawasan selamat.
2. Mencari dan menyelamatkan anggota yang berada dalam kecemasan di kawasan operasi.
3. Mencari, menyelamatkan dan memadam kebakaran, yang melibatkan kemalangan pesawat udara, sama ada di daratan dan perairan.
4. Mencari, menyelamatkan dan memadam kebakaran, yang melibatkan kemalangan di laut.
5. Mencari dan menyelamatkan, mangsa yang terlibat dalam kemalangan dan kebakaran pengangkutan darat.
6. Operasi pemadaman kebakaran hutan (forest fire) atau bangunan.
7. Mencari dan menyelamatkan, dalam kejadian keruntuhan struktur di atas tanah, dalam tanah dan tanah runtuh

CAWANGAN KAWALAN TRAFIK UDARA

1. Menerima panggilan samada kecemasan atau pentadbiran jabatan.
2. Memaklumkan kepada semua anak kapal bertugas setiap operasi yang akan dihadiri.
3. Pusat rujukan kepada pegawai pangkalan setiap pergerakan pegawai di pangkalan.
4. Menyalurkan informasi tentang pergerakan pesawat.
5. Mengumpul, merekod dan menyimpan semua dokumen penerbangan.
6. Menyediakan maklumat dan pusat rujukan berkaitan operasi dan latihan kepada juruterbang serta anak kapal.
7. Mengemaskini dokumen penerbangan, status pesawat, operasi dan latihan dan menyediakan statistik operasi dan latihan setiap tahun.
8. Mencatat setiap maklumat di dalam buku catitan harian.

ADMINISTRATION

1. *Coordinate administrative communication between FRDM Air bases and Air Division.*
2. *Plan and prepare estimation of operational expenditure of the Air Base.*
3. *Supervise and manage the supply store.*

SPECIAL FORCES BRANCH

1. *Provide paramedic services and perform evacuation of the living, sick, injured or dead to a safe area.*
2. *Search and rescue of personnel in distress in the area of operations.*
3. *Search, rescue and fire fighting involving aircraft accidents, whether on land or in water.*
4. *Search, rescue and fire fighting involving accidents at sea.*
5. *Search and rescue involving accidents and fire on land.*
6. *Firefighting operations involving forest fire or buildings.*
7. *Search and rescue involving incidents of terrestrial or underground structure collapse and land slide.*

AIR TRAFFIC CONTROL BRANCH

1. *Receiving emergency or administrative call.*
2. *Informing crews on duty of operations to be attended.*
3. *Reference point for base officer on movement of each of the personnel on the base.*
4. *Channeling information on the movement of aircrafts.*
5. *Compile, record and store all flight documentation.*
6. *Provide information and reference point to pilots and crew.*
7. *Update flight documentation, aircraft status, operations and training and provide annual statistics of operations and training.*
8. *To record all information details in the daily record book.*

OPERASI PEMINDAHAN JANTUNG DARI BUTTERWORTH KE SUBANG

Pada 3 November 2013 Sebuah pesawat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia AW 139 telah membuat satu penerbangan ihsan untuk membawa jantung daripada seorang penderma yang telah meninggal dunia untuk dibawa ke Hospital Kuala Lumpur. Penerbangan dengan callsign BOMBA 545 dan turut bersama mengiring jantung tersebut iaitu 2 orang doktor yang bertugas bagi memastikan jantung tersebut berada dalam keadaan selamat didalam perjalanan.

TRANSPORTATION OF A HEART FROM BUTTERWORTH TO SUBANG

On 3 November 2013 an AW 139; a helicopter from Fire and Rescue Department Malaysia has made a mercy flight to transport a heart from a died donor to be brought to Kuala Lumpur Hospital. The flight with callsign BOMBA 545 also accompanied by the 2 doctors on duty to ensure that the heart is in a safe situation in transit.



OPERASI MEDEVAC POS BELATIM GUA MUSANG, KELANTAN

Satu operasi Medevac telah dilakukan menggunakan pesawat Mi 17 IV yang diketuai oleh Mej Mohammad Sobri bin Jaeh Dan dibantu oleh pembantu juruterbang iaitu PgB Sofian bin Ahmed bersama AQM dan Pasukan Khas pada 14 Jan 2013. Operasi ini bertujuan untuk membawa 3 orang mangsa (pesakit) yang berada di Pos Belatim ke Gua Musang. Manakala 2 orang lagi pesakit yang berada di Kampung Sau telah dibawa ke Subang untuk dihantar ke Hospital Orang Asli Gombak untuk mendapatkan rawatan.

MEDEVAC OPERATIONS IN POST BELATIM GUA MUSANG, KELANTAN

A Medevac operation was performed with Mi 17 IV aircraft led by Major Mohammad bin Jaeh Sobri and assisted by the co-pilot PGB Sofian bin Ahmed with AQM and Special Team on Jan 14, 2013. This operation aims to bring 3 victims (patients) who are in the Post Belatim to Gua Musang. Meanwhile there were 2 patients from the Sau village was taken to Subang to be sent to the Gombak Aboriginal Hospital for treatment.



BASIC FREE FALL TEKAH,TAIPING

Seramai 5 lagi pegawai Pangkalan Udara JBPM Subang telah Berjaya menamatkan kursus Basic Free Fall yang diadakan di Tekah,Taiping pada 3 sehingga 7 November 2013. Dengan lapan kali terjunan yang telah dilakukan dan telah dianugerahkan sijil dan sayap free fall pada majlis perasmian penutupan yang dilakukan oleh YS PKPJB Mohd Yunos bin Abu Hassan, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Udara, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

BASIC FREE FALL TEKAH,TAIPING

Another five officers from FRDM Subang Air Base have successfully completed a Basic Free Fall Course which was held in Taiping from 3 until 7 November 2013. With eight times of the routines done and they have been awarded with a certificate and free fall wings at the closing ceremony by YS PKPJB Mohd Yunos bin Abu Hassan, Assistant Director General of the Air Division, Fire and Rescue Department of Malaysia.



HARI TERBUKA PANGKALAN UDARA JBPM BERTAM

Pada 5 September 2013 julung-julung kalinya Bahagian Udara telah membuat Hari Terbuka bertempat di Pangkalan Udara JBPM Bertam. Turut bersama menjayakan majlis tersebut ialah Bomba dan Penyelamat negeri Pulau Pinang dan penduduk kampung Paya Keladi Bertam.

Hari terbuka yang didahului dengan acara awal iaitu bacaan yassin dan doa selamat oleh warga bomba, penduduk kampung dan warga sekolah tahfiz yang berhampiran. Majlis disambut meriah dengan kehadiran penduduk kampung dan kawasan sekitar Kepala Batas dan dianggarkan seramai 2000 orang. Selain daripada makanan yang dimasak oleh warga bomba dan penduduk kampung untuk dijamu kepada pengunjung terdapat lain-lain aktiviti seperti pameran kebombaanan, sukaneka, pertunjukan pesawat static dan demo winching oleh krew AW 139. Turut memeriahkan lagi majlis tersebut ialah kehadiran Ahli Parlimen Kepala Batas iaitu Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican bersama YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim.

BERTAM FRDM AIR BASE OPEN DAY

On 5 September 2013 for the first time, the Air Division has made an Open Day at the Bertam FRDM Air Base. Together making the event successful was the Penang Fire and Rescue Department and as well as the Paya Keladi village.

The open day was preceded with the Yassin recital and prayer by firefighters, residents and tahfiz school students nearby. The event was successfully celebrated with the presence of the village community and the people area Kepala Batas with an estimated of 2000 people. Apart from the food cooked by the firemen and the villagers visitors are treated to other activities such as exhibitions, games, static aircraft performances and winching demo by the crew of AW 139. The ceremony was celebrated with the presence of Kepala Batas MP Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican with YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim.



JUNGLE SURVIVAL

Tarikh: 5 - 9 Mac 2013

Ikhtiar hidup di hutan adalah latihan untuk memperlengkapkan dan menyiapsiagaan pegawai Pangkalan Udara jika terpaksa menjalani operasi di hutan dalam jangkamasa yang lebih daripada sepatutnya dimana keperluan adalah terhad. Ianya juga adalah latihan simulasi dimana pegawai berkemungkinan sesat atau pesawat terpaksa mendarat cemas didalam hutan yang tidak dapat dihubungi. Dengan tenaga pengajar yang berpengalaman daripada Pangkalan Udara Bomba sendiri, latihan selama 5 hari ini betul-betul telah menguji mental dan fizikal para peserta. Segala aspek keselamatan diberi penekanan oleh jurulatih kerana sebarang kemungkinan binatang buas yang mungkin berkeliaran dikawasan tersebut. Latihan simulasi yang dibantu oleh sebuah pesawat Mi 171 telah membuatkan latihan ini lebih realistik dan telah ditamatkan oleh peserta kursus dengan jayanya.

JUNGLE SURVIVAL

Date : 5 -9 March 2013

Jungle survival is a training to equip and prepare the Air Base officers if they are forced to undergo the forest operation longer than normal and with limited resources. It is also a simulation exercise where officers might caught in lost situation or in aircraft emergency landing in the forest of which cannot be contacted. With the experienced instructors from the FRDM Air Base itself, the 5 days training has tested the participants spiritually and physically. All the safety aspects was emphasized by the coaches as there would be the possibility of wild animals in the area. The simulation training was assisted by a Mi 171 that has made the training becoming more realistic and the course was completed by the participant successfully.



KEJOHANAN PAYUNG TERJUN ATM 2013 DI MELAKA

Pada 4 sehingga 10 September 2013 telah berlangsung satu Kejohanan Payung Terjun anjuran Angkatan Tentera Malaysia yang telah diadakan di Padang Komplek Sukan Hang Jebat, Paya Rumput, Melaka bandar bersejarah. Kejohanan yang melibatkan seramai 70 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi seperti TDM, TUDM, TLDM, PDRM, JPBM, Kelab Payung Terjun Wilayah Persekutuan dan Kelab 604 Skydive. Kejohanan yang berlangsung selama 7 hari ini telah dirasmikan penutupan oleh Panglima Markas Latihan Tentera Darat iaitu, YB Brig Jen Dato' Mazlan bin Kasab.

Walaupun bagaimanapun pasukan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mendapat tempat ke 4 daripada 7 pasukan yang bertanding dan merupakan satu pencapaian yang amat baik selaku pasukan penerjun payung yang baru jika dibanding pasukan-pasukan lain yang turut serta. Tahniah diucapkan dan semoga Pasukan daripada JBPM akan bekerja keras lagi pada masa akan datang untuk mencapai ke tahap yang amat membanggakan untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia khususnya.

2013 ATM PARACHUTING CHAMPIONSHIPS IN MELAKA

A Parachuting Championships was held on the 4th to 10th September 2013 and it was organized by the Malaysian Armed Forces. The event was held at Hang Jebat Sports Complex, Paya Rumput, Melaka. The competition involving 70 participants from various agencies, such as TDM, the air force, navy, police, FRDM, Kelab Payung Terjun Wilayah Persekutuan and 604 Skydive Club. The competition which lasts for 7 days was officiated by the Commander of Army Training Division, namely YB Brig Gen Dato' Mazlan bin Kasab.

The team from the Fire and Rescue Department of Malaysia was ranked number 4th out of 7 teams competing and this achievement was considered as very good as the team is new compared to the other teams. Congratulations and best wishes for FRDM team with the hope of working hard in the future as to achieve higher results of which we can be proud of.



PEMILIHAN JURUTERBANG

Satu sesi pemilihan juruterbang untuk menerbangkan pesawat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia siri 7 telah di buat di beberapa tempat pada 2 sehingga 7 Julai 2013. Seramai 14 orang pegawai berpangkat KB 41 dan KB 29 telah menghadiri sesi pemilihan tersebut. Ujian fizikal telah dijalankan di TUDM Subang dan Pusat Akuatik Shah Alam. Setelah Ujian kesihatan dijalankan seramai 11 orang pegawai telah berjaya dan telah pun masuk untuk sesi temuduga bertempat di Pangkalan Udara JBPM Subang. Seramai 7 orang pegawai sahaja yang layak dan dipilih untuk dihantar berkursus di Sekolah Penerbangan yang telah dirancangan pada Mei 2014.

SELECTION OF PILOTS

The 7th series selection of pilots for the Fire and Rescue Department of Malaysian has been made in various places from 2 to 7 July 2013. A total of 14 officers from the grade of KB 41 and KB 29 has attended the selections. Physical tests were conducted at RMAF Subang and Shah Alam Aquatic Centre. After the health test run, 11 officers have succeeded and have been in for an interview at the FRDM Subang Air Base. A total of 7 officers are eligible and have chosen to go for courses at the School of Aviation which has been planned in May 2014.



HELICOPTER UNDERWATER ESCAPE TECHNIQUE

Kursus HUET Helicopter Underwater Escape Technique ini telah dijalankan dan bermula pada 21 sehingga 24 Oktober 2013. Kursus yang bertempat di Sequ Safety Training Centre dan telah disertai oleh 90 orang peserta dari Pangkalan Udara JBPM Subang dan pegawai daripada FRAM Ipoh. Tujuan kursus ini adalah untuk memberikan pengetahuan, pembiasaan dan teknik kepada anak kapal untuk melepaskan diri, sekiranya berlaku pendaratan kecemasan di kawasan perairan. Ianya juga adalah untuk memastikan setiap anak kapal mempunyai kelayakan semasa (Currency) bagi HUET. Selain itu ianya juga adalah untuk memastikan semua anak kapal mengemaskini ilmu dan teknik semasa prosidur kecemasan. Kursus ini juga dapat memastikan aset jabatan sama ada pesawat mahupun sumber manusia seperti juruterbang dan anak kapal sentiasa dipelihara dari segi ilmu pengetahuan, keselamatan mahupun kepenggunaan aset tersebut.

HELICOPTER UNDERWATER ESCAPE TECHNIQUE

